

Headline	Kajian tingkat kualiti harumanis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	892 cm ²
Journalist	NUR FATIEHAH ABDULRASHID	AdValue	RM 17,630
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,889



UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 15 JUN 2017

Mega sains | 23

Kajian tingkat kualiti harumanis

Oleh NUR FATIEHAH ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com

WAN ABDULLAH WAN YUSOFF

DR. SHARIF HARON

Kajian harumanis oleh MARDI

*** Teknik pemulihian ladang harumanis bagi pembuahan luar zon**

*** Kajian interstok pada cantuman dewasa harumanis untuk pembuahan dalam dan luar zon**

*** Kajian penanaman harumanis dalam struktur terkawal untuk pembuahan dalam dan luar zon**

*** Kajian penanaman harumanis di dalam sistem berpasu untuk pembuahan dalam dan luar zon**

*** Kajian teknik cantuman dewasa**

*** Kajian arahan untuk penanaman harumanis di luar zon**

*** Kajian keberkesanan sebatian organik dalam mengatasi penyakit blossom blight (pest n disease)**

MENJADI ikon negeri Perlis, mangga harumanis sememangnya digemari ramai orang kerana rasanya yang manis, berbau harum dan mempunyai isi tebal selain memiliki kandungan vitamin tersendiri.

Disebabkan keistimewaan itu, harumanis telah mendapat permintaan tinggi dalam pasaran tempatan selain turut dieksport.

Walau bagaimanapun, sasaran keluasan penanaman semakin merosot disebabkan beberapa faktor seperti pengeluaran hasil tidak stabil, kos pengeluaran meningkat dan harga pasaran tidak menarik.

Beberapa halangan ini telah dikenali pasti dan memerlukan pendekatan holistik bagi mencapai hasil kerajaan untuk menjadikan harumanis sebagai komoditi utama negeri Perlis.

Justeru, bagi menampung permintaan buah harumanis berkualiti tinggi yang semakin meningkat dari semasa ke semasa, kerajaan telah mengambil inisiatif melalui kaedah penyelidikan bagi meningkatkan kualiti buah fenomena itu.

Salah satu agensi yang terlibat adalah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang telah melaksanakan projek pemulihian harumanis menggunakan teknik cantuman dewasa.

Projek yang melibatkan tiga kaedah utama iaitu kaedah pengakasan untuk pembentukan semula pokok harumanis, kaedah pemulihian pokok secara pembentukan dahan dan kaedah penukaran varieti sedia ada ke varieti harumanis melalui teknik cantuman dewasa juga bertujuan membantu peladang meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

Pengarah MARDI Perlis, Dr. Wan Abdullah Wan Yusof berkata, ketiga-tiga kaedah itu akan digunakan bergantung kepada keadaan keperluan ladang terabit.

"Projek pemulihian harumanis ini turut dirancakkan dengan adanya dana peruntukan dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan menyasarkan keluasan seluas 40 hektar (ha) untuk tujuan pemulihian semula."

"Keluasan pemulihian ini turut meliputi pembangunan semula kawasan harumanis yang terbaik dan pengaplikasian teknik cantuman dewasa (penukaran varieti)," katanya ketika ditemui *Mega Sains* di MARDI Arau, Perlis baru-baru ini.

Menerusi teknik cantuman dewasa itu, sasaran keluasan tanaman harumanis di negeri Perlis akan meningkat, sekali gus meningkatkan bekalan kepada pengguna seiring dengan peningkatan harga buah istimewa itu ketika ini.

Dalam masa yang sama, MARDI juga sedang menjalankan pelbagai kajian untuk mendapatkan hasil harumanis dengan kaedah yang lebih agronomi dan dalam masa yang sama ingin menghasilkan tanaman ini secara organik dengan mengurangkan penggunaan racun serangga agar masyarakat dapat menikmati buah yang selamat dimakan.

Sementara itu menurut Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Sharif Haron pihaknya banyak memulihara ladang harumanis di negeri itu.

"Kita juga menjalankan kajian mengenai penilaian kesesuaian cuaca dan tanah bagi harumanis di Semenanjung Malaysia selain kajian agronomi untuk meningkatkan hasil," ujarnya.

Kajian tersebut kata beliau yang dijalankan sejak tahun lepas sehingga 2020 melibatkan 13 penyelidik pelbagai kepakaran.

Dalam masa sama, MARDI membangunkan ladang harumanis contoh di negeri berkenaan.

Gedah cantuman dewasa
Pembentukan dahan
Tindakan bukar tidak wajar